

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapa buah hotel yang telah memohon sijil halal; dan
- (b) senarai yang diluluskan, dan apakah masalah yang dihadapi ketika proses pensijilan.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi dapur/ restoran di hotel adalah bersifat sukarela. Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk menggalak permohonan SPHM dan meningkatkan kesedaran

pengusaha hotel mengenai kepentingan pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan data pemohon SPHM pada tahun 2015, sebanyak 388 buah hotel telah membuat permohonan SPHM.

- (b) Sehingga kini terdapat 357 buah dapur/ restoran di hotel yang telah mendapat SPHM yang masih sah. Senarai hotel yang telah mendapat sijil pengesahan halal boleh disemak melalui Portal Halal Malaysia di [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

Mengenai permasalahan yang sering dihadapi ketika proses pensijilan halal, antaranya ialah:

- i. kurangnya persediaan dan komitmen pengusaha hotel terhadap prosedur dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam pensijilan halal Malaysia;
- ii. terdapat pengusaha hotel yang gagal mewujudkan mekanisma kawalan halal secara dalaman iaitu Jawatankuasa Halal Dalaman dan menyediakan sekurang-kurangnya dua orangpekerja Muslim di setiap dapur/restoran. Jawatankuasa Halal Dalaman ini bertanggungjawab memastikan aspek pembelian dan penggunaan bahan mentah adalah halal dan menepati keperluan SPHM..

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [ BACHOK ]**

**SOALAN : 356**

**YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik perpindahan pemilih yang telah berdaftar antara kawasan Parlimen bagi setiap kawasan Parlimen untuk tahun 2014 dan 2015. Mohon statistik terperinci perpindahan ini di kesemua kawasan pilihanraya di Kelantan.**

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih yang telah membuat pendaftaran tukar alamat bagi tahun 2014 dan 2015 di negeri Kelantan adalah sebanyak **2,793 orang**. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menyediakan statistik terperinci mengenai perpindahan pemilih yang telah berdaftar antara bahagian pilihan raya Parlimen bagi setiap bahagian pilihan raya Parlimen di negara ini.

Sekian. Terima kasih.